

05 JUN 1998

Mahathir-Sabah

MAHATHIR MAHU KOMUNIKASI MAKSIMUM ANTARA NEGERI-PERSEKUTUAN

KOTA KINABALU, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau mahu melihat komunikasi yang maksimum wujud antara kerajaan persekutuan dan kerajaan Sabah.

Perdana Menteri berkata beliau telah memberitahu Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok mengenai perkara itu dan "kami bersetuju tentang perlunya kedua-dua kerajaan mengadakan komunikasi secara maksimum supaya apabila kita berbuat sesuatu, kita melakukannya secara bersama."

"Saya juga telah bercakap dengan Datuk Osu Sukam (bakal Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah) dan saya berpendapat beliau faham tentang pentingnya semangat kerjasama dalam kerajaan Sabah dan dalam Barisan Nasional," kata beliau kepada pemberita di sini.

Dr Mahathir singgah selama setengah jam di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawatan kerja ke Jepun. Dompok mengetuai pembesar-pembesar negeri menyambut ketibaan beliau.

Dr Mahathir berkata kerjasama di kalangan pemimpin dan parti komponen BN di Sabah amatlah penting kerana banyak masalah yang perlu ditangani seperti meningkatkan kemudahan bekalan air, elektrik dan lain-lain.

"Kita juga perlu menguruskan kewangan Sabah dengan baik kerana ketika ini ialah masa yang sukar. Anda tidak boleh menebang pokok seperti anda menebangnya dahulu. Kita harus berhati-hati," kata beliau.

Mengenai perubahan jawatan Osu sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi sebelum ini kepada jawatan dalam kabinet Sabah, Dr Mahathir berkata Osu boleh berperanan sebagai "jambatan" yang menghubungkan Sabah dan kerajaan persekutuan.

"Osu adalah dari kabinet (Persekutuan) dan begitu juga Dompok (yang pernah menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri antara Ogos 1994 dan April 1995). Jadi kedua-dua mereka tahu cara-cara kita bekerja dalam kabinet. Jadi saya tak nampak masalah," katanya.

Mengenai kekosongan jawatan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi ekoran pelantikan Osu di Sabah, Dr Mahathir berkata beliau akan memikirkannya.

Kepada soalan sama ada kuota bagi jawatan itu memang dikhususkan kepada Umno atau kepada pemimpin dari Sabah, Dr Mahathir berkata: "Ia untuk kedua-duanya, Umno dan Sabah. Tetapi kita belum memutuskannya."

Beliau juga berkata kehadiran empat presiden parti komponen BN dalam kabinet negeri akan memperkukuhkan lagi kedudukan BN dalam menghadapi pilihan raya.

Dr Mahathir berkata: "Memanglah, kita memikirkan mengenai pilihan raya semasa kita melakukan ini...kita perlukan kombinasi paling kuat."

Keempat-empat pemimpin parti komponen berkenaan ialah Dompok sebagai yang merupakan Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS); Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup selaku Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Menteri di Jabatan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee yang juga Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) dan Menteri Pertanian dan Perikanan Negeri Datuk Pandikar Amin Mulia yang merupakan Presiden Akar Bersatu.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai penyertaan semula Yong dalam kabinet Dompok yang berbeza dengan apa yang berlaku terhadap bekas Ketua Menteri Datuk Salleh Tun Said, yang tidak dilantik semula apabila berlaku peralihan kuasa daripada pemimpin Bumiputera Islam kepada Cina, dua tahun lepas.

Kepada soalan ini, beliau berkata: "Itu kerana dia (Salleh) minta untuk berehat dan kerana itulah saya tak paksa dia. Tapi saya bercakap dengan Yong dan dia kata dia masih boleh menyumbang cuma dia tak nak (jawatan) yang lebih tinggi daripada menteri biasa."

"Sementara dia (Yong) menjalankan tanggungjawabnya dalam kerajaan, dia masih mempunyai masa yang lebih untuk perkara lain, termasuk juga soal parti," katanya.

Yong melepaskan jawatan Ketua Menteri pada 28 Mei lepas bagi memberi laluan kepada Dompok untuk dilantik ke jawatan itu dalam sistem penggiliran jawatan itu masing-masing selama dua tahun antara tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam.

-- BERNAMA

JS MAI